

04 NOV 2001

Mustapa-Sekretariat

BIRO EKONOMI BAHAGIAN PERLU TUBUH SEKRETARIAT BANTU PENIAGA

BUKIT MERTA JAM, 4 Nov (Bernama) -- Semua biro ekonomi Umno bahagian diminta menubuhkan sekretariat bagi membantu golongan peniaga dan usahawan kecil Bumiputera mendapatkan maklumat perniagaan dan dasar ekonomi kerajaan.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata sekretariat itu akan bertindak sebagai saluran untuk membolehkan peniaga dan usahawan Bumiputera mengetahui tentang bantuan, tabung dan syarat permohonan yang disediakan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Katanya daripada pengamatan beliau, tahap pemahaman golongan itu tentang bentuk bantuan, pinjaman dan dasar memajukan Bumiputera dalam bidang ekonomi masih cetek dan kabur dan perkara ini tidak seharusnya berlaku.

"Daripada beberapa siri dialog yang saya hadiri, masih banyak peniaga di peringkat bawah yang bertanya tentang cara memohon pinjaman, di mana nak dapatkan bantuan dan sebagainya. Saya berasa sedih sebab ini merupakan maklumat asas yang sepatutnya telah diketahui semua," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau sebelum itu menghadiri taklimat dan dialog "Merangsang Ekonomi Melayu Menjelang Afta - Penglibatan dan Peluang Daripada Dasar Kerajaan" anjuran biro ekonomi Umno Bahagian Permatang Pauh, di sini.

Beliau berkata sekretariat itu boleh mengaturkan pertemuan sekurang-kurangnya dua bulan sekali antara peniaga dan agensi terbabit seperti Yayasan Tekun, MARA dan bank bagi mendapatkan penjelasan serta menyelesaikan sebarang masalah berkaitan.

"Kita memerlukan satu mekanisme tetap yang dapat menggerakkan semua maklumat ini dan berharap usahawan Bumiputera tidak lagi jauh ketinggalan pada masa akan datang apatah lagi ketika menghadapi persaingan yang lebih hebat daripada negara-negara Asean berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) tidak lama lagi," katanya.

Mustapa, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, sekretariat itu juga akan membuat susulan terhadap masalah dan keperluan peniaga bagi membolehkan mereka terus berniaga.

Beliau turut menyatakan keyakinannya rakyat sudah dapat menterjemahkan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi, kegawatan kepimpinan serta isu keselamatan semasa yang ditunjukkan dalam sokongan mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya kepimpinan dan kebibawaan kerajaan sentiasa sahaja diuji tetapi kejayaannya mengatasi sebarang masalah tanpa menjejaskan keharmonian rakyat telah memberikan keyakinan bahawa kerajaan mampu melakukan yang terbaik.

"Setelah dua tahun pilihan raya umum lalu, "mood" rakyat telah berubah dan tidak lagi terperangkap dengan sentimen personaliti tertentu," katanya.

-- BERNAMA

ZU RON